

Pertumbuhan ekonomi negara 2002 lebih baik

UM 7 JAN 2003

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi yang jauh lebih baik pada 2002 dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak empat peratus berbanding 0.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kedudukan ekonomi negara tidak begitu memberangsangkan pada suku pertama tahun 2002, ia mencatat perubahan positif pada suku ketiga dan keempat untuk menjadikannya lebih tinggi daripada jangkakan.

“Saya percaya ekonomi kita pada tahun 2002 meningkat sebanyak empat peratus, jauh lebih baik daripada 2001,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat dan Perasmian Bangunan Pusat Teknologi Pengu- rusan Intan di Institut

Tadbiran Awam Negara (Intan) hari ini.

Kerajaan sebelum ini membuat unjuran pertumbuhan antara empat hingga lima peratus bagi tahun 2002 berikutan ketidaktentuan pasaran dan senario politik antarabangsa.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan menggunakan gabungan beberapa strategi untuk membentuk pakej rangsangan ekonomi baru bagi menjana pertumbuhan tempatan.

Katanya, antara strategi yang akan digunakan ialah menjana ekonomi tempatan melalui suntikan dana oleh kerajaan.

“Tentunya kita perlu mendorong ekonomi kita, mungkin melalui suntikan dana, menyuntik lebih banyak wang ke dalam pasaran termasuk berbelanja bagi menjalankan projek-projek segera dan sebagainya,” ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan terus memberikan insentif kepada para pelabur asing.

“Tetapi pada masa yang sama kita tahu tidak banyak dana yang bergerak pada masa ini dan ramai orang bimbang (tentang keganasan).

“Jadi ia bukanlah apa yang boleh kita buat tetapi apa yang mereka rasakan sebagai daya maju pelaburan tersebut,” kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pakej berkenaan kerana “kita lebih suka untuk terus melaksanakannya sahaja, kerana kalau kita umumkan apa yang kita akan buat, orang lain akan membuat langkah awal.”

Sebelum ini, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis berkata, kerajaan sedang merancang untuk mengadakan pakej rangsangan ekonomi baru yang akan diumumkan oleh Dr. Mahathir.